



SIARAN MEDIA

PELANTIKAN KETUA PENGARAH, JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 22 Jun 2026 – YBrs. Encik Erwin Khairul bin Ahmad 50 tahun, dilantik sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) yang ke-20 sejak penubuhannya pada tahun 1945, berkuat kuasa hari ini.

Lahir pada tahun 1975 di Kuala Lumpur, beliau merupakan lepasan Ijazah Sarjana Muda Sebaran Am (Kepujian) (Penyiaran) dan Sarjana Sastera Pengajian Perangsaraf Media dan Informasi daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) serta telah memulakan perkhidmatan dalam sektor awam sebagai Pegawai Penerangan pada tahun 2001.

Beliau yang mempunyai pengetahuan luas dalam bidang pengurusan isu, gerak saraf dan komunikasi media siber telah menyandang pelbagai jawatan penting, antaranya sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Gerak Saraf dan Pengurusan Isu JAPEN; Timbalan Pengarah, Bahagian Media Siber JAPEN; Pengarah JAPEN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; Setiausaha Bahagian Komunikasi Strategik, Kementerian Komunikasi dan Timbalan Ketua Pengarah (Kandungan Digital), JAPEN. Selain itu, beliau juga merupakan Naib Presiden Institut Perhubungan Awam Malaysia (IPRM), sebuah badan peneraju yang berperanan dalam memartabatkan profesionalisme industri perhubungan awam di Malaysia.

Dengan pengalaman signifikan 25 tahun dalam bidang penerangan dan komunikasi strategik, diyakini pelantikan beliau dapat memantapkan peranan JAPEN sebagai peneraju komunikasi kerajaan yang lebih cemerlang dan berwibawa.

**Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan Malaysia
03-8911 7381 / 7382**